



**SIARAN AKHBAR  
PENERBITAN ALERT LIST**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa AMBD telah menerbitkan Alert List di dalam laman web AMBD. Alert List ini mengandungi senarai syarikat-syarikat dan laman web yang tidak mempunyai kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan kewangan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan dalam kawalan AMBD atau menjalankan mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan samada ianya menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejidis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.
2. AMBD ingin mengingatkan orang ramai bahawa hanya institusi-institusi kewangan (iaitu bank, syarikat insurans, pengendali takaful, institusi pasaran modal dan sekuriti, syarikat penukaran matawang asing dan syarikat perkhidmatan pengiriman wang dan entiti lain) yang dilesenkan oleh AMBD di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditadbir oleh AMBD dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan kewangan di Negara Brunei Darussalam.
3. Orang ramai juga dinasihatkan untuk berhati-hati apabila ingin menyertai mana-mana skim pelaburan atau transaksi kewangan, dan untuk terlebih dahulu mengesahkan kesahihan skim-skim pelaburan yang ditawarkan, serta meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada membuat pelaburan di dalam skim tersebut.
4. Alert List tersebut dan juga senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>.
5. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2233371 atau melalui emel [fci@ambd.gov.bn](mailto:fci@ambd.gov.bn)

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 18 Rabiulakhir 1438/ 16 Januari 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3